

Mohd. Farid Ariffin dianugerah Tokoh Kanser Negara 2014

SERDANG 11 Mei - Presiden Majlis Kanser Nasional (Makna), Datuk Mohd. Farid Ariffin dianugerahkan Tokoh Kanser Negara 2014 oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) pada majlis Makan Malam Kaseh Kanser anjuran Pusat Sumber dan Pendidikan (CaRE) UPM, di sini malam semalam.

Anugerah tersebut disampaikan bagi memperingati jasa beliau yang mengasaskan penubuhan Makna pada tahun 1994 untuk membantu membiayai rawatan pesakit kanser di seluruh negara terutama golongan kurang berkemampuan.

Penghargaan tersebut disampaikan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan yang turut mengumumkan peruntukan RM30,000 kepada CaRE tahun ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UPM, Prof. Dr. Ir. V. Renuganth; Pengerusi Tabung Kesejahteraan Persatuan Orang Kota Bharu (POKB), Datuk Sheikh Ahmad Dusuki Sheikh Mohamad dan Pengarah CaRE UPM, Prof. Dr. Latiffah A. Latiff.

Sempena majlis tersebut, Dr. Latiffah turut melancarkan buku ber-

tajuk *CaRE - Kanser 1 Anugerah* yang menceritakan pengalaman dan pelbagai kisah menarik daripada 10 individu yang pernah menghidap kanser.

Sheikh Ahmad Dusuki turut menyampaikan sumbangan kepada Datin Norsham Ahmad, isteri kepada bekas Naib Canselor UPM, Allahyarham Datuk Dr. Radin Umar Radin Sohadi yang meninggal dunia akibat kanser.

Sementara itu dalam ucapannya, Ahmad berkata, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM22.16 bilion kepada Kementerian Kesihatan tahun ini untuk memastikan masyarakat mencapai tahap kesihatan yang berkualiti sepanjang masa.

“Menyedari dan prihatin masalah yang ditanggung pesakit kanser, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM101.1 juta bagi pengurusan dan rawatan, RM76.1 juta untuk kegunaan ubat-ubatan, RM20 juta bagi bahan konsumabel dan RM5 juta untuk perbelanjaan mengurus.

“Seterusnya peruntukan sebanyak RM2.55 juta dibelanjakan untuk perkhidmatan paliatif di hospital manakala RM61 juta lagi untuk rawatan kes-kes akut,” katanya.



AHMAD Maslan (tiga dari kiri) menyampaikan Anugerah Tokoh Kanser Negara 2014 kepada Mohd. Farid Ariffin sambil diperhatikan Sheikh Ahmad D (kanan) dan Ir. V. Renuganth (dua dari kiri) dalam majlis Makan Malam Kaseh Kanser 2014 di UPM Serdang, Selangor, kelmarin.